

Media : Harian Metro
Date : 29 Dec 2016

Petaling Jaya: Ajinomoto (Malaysia) Berhad, pengeluar serbuk perasa Ajinomoto menyasarkan peruntukan sebanyak RM600,000 bagi pelaksanaan dua projek tanggungjawab sosial korporat (CSR) utamanya pada tahun depan.

Ketua Jabatan Komunikasi Korporatnya, Lau Chin Mun berkata, sumbangan sosial



Ajinomoto sasar peruntukan RM600,000 laksana 2 projek CSR

itu akan membabitkan inisiatif kepada golongan muda tidak berkemampuan melalui projek kulinari dikenali 'Hope of Life with Culinary Arts'.

"Selain itu, peruntukan ini memberi fokus kepada inisiatif khusus buat golongan warga emas melalui penyediaan makanan di rumah kebajikan terpilih seluruh negara bagi memastikan mereka mendapat makanan berkhasiat," katanya selepas taklimat 'Hope of Life with Culinary Arts' semalam.

Beliau berkata, projek

kulinari itu adalah acara tahunan yang bermula pada 2013 dan kali ini ia dilaksanakan melalui kerjasama Hope Worldwide Malaysia, Malaysian Institute of Baking (MIB) dan Junior Chamber International (JCI) Kuala Lumpur.

Menurutnya, projek itu dilaksanakan bertujuan memberi inspirasi, memperkasa, mendidik dan membangunkan komuniti kurang bernasib baik terutama golongan muda dengan kemahiran tertentu untuk membantu mereka

meningkatkan taraf hidup dan mengelakkan kemiskinan.

"Untuk kali ini, kami berjaya menarik penyertaan seramai 26 remaja kurang bernasib baik berumur antara 15 hingga 23 tahun daripada keluarga dengan pendapatan bulanan di bawah RM1,000," katanya.

Sebanyak lima kelas berkaitan kulinari dilaksanakan sejak November lalu hingga Mac tahun depan yang terdiri daripada satu kelas teori kulinari, dua kelas masakan panas dan dua kelas membuat kek.

Selepas mempelajari semua kemahiran, peserta program ini akan berpeluang menghasilkan satu resipi dipelajari dan menjual makanan mereka melalui kompon 1 Charity Selling dengan keuntungan akan didermakan kepada pihak yang memerlukan.

“Untuk kali ini, kami berjaya menarik penyertaan seramai 26 remaja kurang bernasib baik berumur antara 15 hingga 23 tahun daripada keluarga dengan pendapatan bulanan di bawah RM1,000”

Lau Chin Mun